


# NewspaperSG

## Pesilat negara harumkan nama watan

Berita Harian, 28 November 2011, Page 14

 Article also available on Microfilm Reel NL31698

Printer-Friendly Page

# *Pesilat negara harumkan nama watan*

**PERTANDINGAN PENCAK SILAT ANTARABANGSA PRABELIA**

PESILAT prabelia negara mengharumkan nama Singapura apabila mereka muncul juara keseluruhan Pertandingan Pencak Silat Antarabangsa Prabelia Kedua, kelmarin.

Pasukan pimpinan jurulatih Abdul Raziz Mohd Hussain itu pulang dari Johor Bahru dengan 11 emas, enam perak dan satu gangsa.

Raziz memuji kebolehan pasukannya dan berkata beliau tidak menjangka mereka pulang dengan prestasi yang hebat itu.

“Syukur, mereka telah berjuang dengan hebat walaupun ada daripada mereka yang harus berentap dengan pesilat lebih berpengalaman,” kata Raziz ketika ditemui di pejabat Persekutuan Silat Singapura (Persisi) di Bedok, pagi semalam.

Raziz menambah pasukan prabelia negara (berusia 11 hingga 14 tahun) berpotensi dan ada beberapa muka baru yang boleh terus menyerlah di gelanggang silat antarabangsa.

Bahkan, beliau memuji sikap pasukannya yang tidak mahu mengaku kalah walaupun berhadapan pelbagai cabaran.

Pertandingan itu, yang diadakan di Dewan Bola Keranjang Larkin dari 23 hingga 26 November lalu, disertai sembilan persekutuan silat dari Singapura dan Johor Bahru.

“Pasukan ini boleh melangkah jauh dan mereka masih muda. Jika mereka terus berlatih dengan gigih sudah pasti mereka akan cemerlang di gelanggang silat antarabangsa,” kata Raziz.

Antara mereka yang meraih emas ialah Izz Danish Muhd Razali, 13 tahun, yang bertanding dalam kelas G. Beliau memenangi emas

Oleh : ۱ SAFHRĀS KHĀN.

dengan melakukan TKO ke atas lawannya.

“Saya tidak pernah menang sebelum ini, jadi emas ini merupakan sesuatu yang berharga bagi diri saya,” kata pelajar Sekolah Menengah Bukit View itu.

Seorang lagi pesilat negara yang berjaya merangkul emas dengan kemenangan TKO ialah Dafinah Abdul Wahab, 14 tahun, yang bertanding dalam kelas K.

Pelajar Sekolah Menengah Bedok Green itu berkata beliau gembira dengan kemenangannya itu.

“Maklumlah, ini kali terakhir saya dapat bertanding dalam kategori prabelia,” ujarnya sambil tersenyum.

Bagi Siti Nazurah Mohd Yusoff pula, pertandingan tersebut merupakan sesuatu yang membantunya


menambah pengalaman dalam sukan itu.

“Saya akan kembali bertanding tahun depan dan sudah pasti pengalaman ini akan membantu saya,” kata pelajar Sekolah Rendah North View itu, yang baru berusia 11 tahun.

Kapten pasukan negara, Muammar Ashiqyn Mohd Farid, 13 tahun, berkata beliau bangga dengan persembahan rakan sepasukannya.

Namun, beliau tidak puas dengan prestasinya sendiri kerana sekadar pulang dengan pingat perak.

“Sebagai kapten, perak tidak terletak dalam kamus peribadi saya. Saya inginkan emas dan akan terus berlatih bagi memastikan saya terus mencapai yang terbaik,” katanya. –



**HARAPAN MASA DEPAN:** Pesilat seperti (dari kiri) Siti Nazurah Mohd Yusoff, Dafinah Abdul Wahab, Izz Danish Muhd Razali dan Muammar Ashiqyn Mohd Farid, merupakan harapan masa depan sukan silat. – Foto SAFHRAS KHAN

– Foto SAFHRAS KHAN